

# Pelajar perlu jaga budaya

12 MAR 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid

KUALALUMPUR, Rabu — Pelajar yang ingin melanjutkan pengajian tinggi ke luar negara perlu lebih matang serta mampu mempertahankan budaya sendiri apabila ada di sana, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, banyak masalah terpaksa dihadapi jika penuntut yang terlalu muda belajar di luar negara kerana mereka terdedah kepada budaya asing.

"Pada amnya, adalah lebih baik bagi pelajar kita menuntut di dalam negara sendiri sehingga mereka lebih dewasa dan mampu mempertahankan budaya apabila mereka ke luar negara untuk pengajian lebih tinggi," katanya merasmikan Institut Teknologi Tun Abdul Razak (Itar) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, ia juga dapat mengurangkan kos pengajian tinggi manakala negara pula berupaya menghasilkan lebih ramai tenaga mahir yang diprlukan.

Sehubungan itu, katanya, penubuhan lebih banyak institusi pengajian tinggi tempatan yang menawarkan kursus pendidikan luar negara akan dapat mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing.

"Ini juga satu keuntungan bagi negara kerana

lebih ramai rakyat mendapat pendidikan daripada pelaburan yang lebih rendah," katanya.

Menurutnya, kerajaan juga mahu program kerjasama dengan pusat pengajian luar negara yang ternama ditingkatkan lagi untuk menjamin mutu pendidikan negara.

"Penubuhan institusi pendidikan swasta dengan sendirinya memperkenalkan elemen pengswastaan ke dalam sistem pendidikan negara tanpa perlu kerajaan sendiri mengambil langkah tertentu ke arah itu.

"Adalah diperhatikan bahawa pihak swasta lebih berjaya mengawal perbelanjaan mengendalikan institusi pendidikan berbanding dengan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihak swasta lebih berupaya menyediakan tenaga mahir untuk memenuhi keperluan pasaran pekerjaan kerana mereka lebih fleksibel dalam merangka pendekatan mengikut keperluan tenaga manusia berbanding sektor awam.

Menurutnya, dasar liberal kerajaan dalam bidang pendidikan turut menggalakkan penubuhan institusi pendidikan swasta yang menawarkan pelbagai kursus, termasuk profesional dan separuh profesional.